

# Punca graduan gagal kuasai bahasa Inggeris

Saya tertarik untuk menyentuh kelemahan pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dalam peperiksaan Malaysian University English Test (MUET). Sukar untuk menguasai tahap 3 dan ke atas dalam MUET adalah bukti mahasiswa gagal menguasai bahasa Inggeris.

Tahap 3 hanyalah tahap sederhana dalam peperiksaan MUET dengan markah antara 140 hingga 179.

Malu dan kurang keyakinan diri punca mahasiswa gagal menguasai bahasa asing termasuk gagal melepasi MUET. Selain itu, apabila membuat tugas dalam bahasa Inggeris, mahasiswa lebih cenderung untuk melakukan plagiat dengan terus mengambil maklumat di laman web dalam bahasa Inggeris.

Mahasiswa juga lebih gemar menterjemah tugas menggunakan Google Translate dan terbiasa bergantung dengannya dalam menyiapkan tesis. Kita sedia maklum, terjemahan melalui Google Translate kurang tepat, namun untuk menyediakan tugas dengan jalan mudah dan cepat, mahasiswa lebih senang menggunakannya berbanding kamus.

## Punca gagal temu duga

Mengikut Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia, suatu ketika dahulu, kelemahan berbahasa Inggeris punca segelintir mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS) gagal temu duga untuk penempatan. Mengikut sumber lain,



Menguasai beberapa bahasa **tambah nilai graduan.**

[GAMBAR HIASAN]

ada yang mengatakan tidak mahir berbahasa Inggeris menyebabkan ramai graduan terpaksa mengangsur.

Menurut Exco Akademik dan Pembangunan Intelektual, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Taqwudin

Mohd Yazid, pelbagai langkah diambil MPP dalam mendepani masalah tersebut, antaranya pengenalan Program Pemerksaan Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab.

Jelas beliau, pelajar perlu berusaha dan rajin untuk memperkasa bahasa asing mereka iaitu

melalui pembacaan.

## Ambil pendekatan berani

Ada sesetengah IPTA mengambil pendekatan berani apabila mewajibkan pelajar mencapai tahap 3 dalam MUET sebagai syarat untuk graduasi. USIM tidak terkecuali, apa-

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: **bhforum@bh.com.my**

bila melaksanakan pendekatan itu sejak 2011.

Walaupun syarat itu sukar, mahasiswa perlu memandang dari sudut positif, serta bertanya kepada diri sendiri adakah berkualiti graduan dengan gred yang bagus, tetapi lemah bahasa Inggeris?

Justeru, mahasiswa perlu menambah usaha dalam menguasai bahasa asing. Seperti yang diketahui, untuk menguasai bahasa selain bahasa ibunda kita adalah sukar. Namun jika kita mampu mengatasi segala masalah serta rajin belajar, kesenangan akan dijamin pada masa depan kelak.

**Fatin Shaffawati Ab Ghani,**  
Klang, Selangor